

## Perkembangan Dan Pembuatan Gasing Uri Di Kelantan

Nur Atiqah Abdullah Suhaimi

Abdul Rahman Ahmad

Mohd Nazir Ahmad

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan perkembangan dan pembuatan Gasing Uri di Kelantan. Kajian mengenai Gasing Uri ini telah mendedahkan penyelidik kepada beberapa perkara penting tentang Gasing Uri. Dalam kupasan ini, penulis juga akan menceritakan selok belok asal-usul dan adat kepercayaan tradisional Gasing Uri yang menarik minat orang ramai ke peringkat kebangsaan. Bukan itu sahaja, perolehan dari kajian ini dapat mengetahui kaedah dan cara pembuatan Gasing Uri yang mencuri perhatian dan semakin popular di Kelantan. Dalam masa yang sama, penyelidik juga dapat merungkai permasalahan mengenai pengekalan warisan budaya dari keunikan Gasing Uri ini pada zaman arus perdana yang semakin moden. Akhir sekali, pengkaji juga dapat mempelajari nilai-nilai kesenian yang ada dalam permainan Gasing Uri Kelantan. Artikel ini menggunakan pendekatan sesi temubual bersama tokoh yang berpengalaman dalam bidang ini yang merupakan seorang pemain dan pembuat Gasing Uri yang amat dikenali di negeri serambi Mekah serta di seluruh negara Malaysia.*

**Kata kunci:** Gasing Uri, keunikan, permainan tradisional, seni warisan, nilai-nilai kesenian

**ABSTRACT**

*This article describes the cultural development and the process of making Gasing Uri Spinning in Kelantan. The study on Top spinning or Gasing Kelantan discovers some important attributes about Gasing. In this examination, the author explains the intricacy of the early historical and cultural development of the traditional Top Spinning that reflects the socio-economic situations of the native public. This unique traditional game is an important artifact that may have recorded important information about Malaysia years ago. This study will record and preserve important technical information on the processes to create Gasing that can be passed from one generation to the next cohort. In the meantime, researchers can also disintegrate the challenge of preserving culture and heritage from the uniqueness of this Top Spinning in the progressively contemporary western era. At the end, researchers can also learn what the values of art are in the game of Top Spinning in Kelantan. This article practices the interview session approach with figures who are experienced in this field and is a famous player and maker of Top Spinning not only in the state of Cik Siti Wan Kembang but throughout Malaysia.*

**Keywords:** *Top Spinning, uniqueness, cultural, development, values*

**PENGENALAN**

Gasing Uri merupakan salah satu dari jenis gasing yang popular di negeri Kelantan. Pada dasarnya, permainan ini boleh dipecahkan kepada dua bentuk permainan iaitu gasing sukan dan gasing tradisional. Menurut Saiful (2020), cara pengendalian permainan dan peraturannya juga amat berlainan dimana ia akan mengikut kaedah ketua kumpulan gasing dari kampung atau daerah itu sendiri. Namun, prinsip asas yang utama dalam pengendalian permainan ini adalah serupa iaitu memutar, memangkah dan membela uri. Perbezaan aturan membela uri, membelit tali, perkakas ekstra dan jumlah anggota yang bermain, telah mencetus kelainan dalam permainan ini.

Gasing Uri memiliki pangkal badan yang tidak besar dan dibelit dengan simpai. Gasing jenis ini terikat erat melalui gabungan timah, besi, atau plumbum. Timah digunakan untuk membuat simpai, kegunaanya adalah untuk memangkas.

Gasing ini tidak besar dan memiliki bentuk yang pandak dan agak pipih tetapi berat sekitar 3 kilogram hingga 5 kilogram. Gasing Uri memiliki ketebalan 1.5 inci dan lilitan sekitar 24 inci (A. Samad, 2012). Gasing hanya dimainkan pada persembahan peradaban bertaraf antarabangsa atau di sekolah-sekolah melalui acara pengenalan sahaja dahulunya (UMK, 2015). Lazimnya Gasing Uri dimainkan oleh golongan lelaki kerana permainan ini agak berat dan mencabar untuk kaum wanita. Kaum lelaki di Kelantan bermain Gasing yang diperbuat daripada timah dan kayu. Oleh yang demikian, untuk bermain permainan ini, kemahiran dan disiplin amat penting, kerana permainan mempunyai langkah dan cara tersendiri untuk bermain.

### PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian ini dibuat kerana kurangnya penyelidikan dan penelitian daripada pengkaji terdahulu menggunakan kaedah penulisan berdasarkan kaedah penyelidikan. Kebanyakkan maklumat ditulis menggunakan konsep bebas dan tidak tertakluk kepada kaedah penyelidikan yang lebih tersusun. Melalui kaedah penyelidikan, pemilihan respondents serta pengumpulan maklumat adalah lebih sahih. Boleh dikatakan kebanyakkan maklumat yang ditemui adalah maklumat yang ditulis di laman *Blog* persendirian dan tidak rasmi oleh pengguna “platform” atas talian sahaja. Sebagaimana contoh laman sesawang “Malay Wiki”, [gasingmelayu.blogspot.com](http://gasingmelayu.blogspot.com), “innadadika.wixsite.com” dan banyak lagi. Dengan ini, pembaca dapat melihat bahawa artikel tersebut terlalu lama sehingga mencapai carian 5 ke 10 tahun lepas. Persamaan kajian ini dengan kajian lepas telah dikenalpasti demi menuruskan penyelidikan iaitu didalam perkenalan asal usul dan cara pembuatan gasing umum. Maka dalam kajian ini penyelidik memilih secara terperinci untuk melakukan penelitian mengenai Gasing Uri sahaja.

Di samping itu, kajian sebelum ini tidak menghuraikan cara dan proses pembuatan Gasing Uri dari segi pemilihan bahan akan tetapi pelbagai cadangan menggantikan jenis bahan yang sukar ditemui diberikan. Oleh itu, penelitian kaedah pembuatan Gasing Uri di zaman moden ini merupakan salah satu perbezaan yang menggambarkan kajian kali ini. Jika dibandingkan dengan kajian-kajian lepas, keunikkan dan keistimewaan Gasing Uri tidak diterangkan dengan jelas kerana digabungkan dengan beberapa jenis gasing lain secara umum, yang terdapat di

Malaysia. Melalui pengumpulan data penyelidikan, pendedahan secara khas mengenai Gasing Uri yang telah memikat golongan kaum Adam di Kelantan akan dibongkarkan.

Adapun maklumat penyelidikan ini sedikit sebanyak boleh digunakan sebagai bahan rujukan oleh para penyelidik, namun kajian mengenai perkembangan Gasing jenis ini haruslah dijalankan dengan lebih teliti dan perlu ditambah baik dari masa ke semasa. Hal ini kerana akan membantu mempertahankan unsur kesenian pembuatan Gasing Uri pada era arus perdana yang semakin menongkah pemodenan. Penghasilan gasing ini memakan masa yang lama dan memerlukan sifat sabar dan kreatif daripada tukang pembuatnya. Ismail (2020), berkata jika tersilap langkah dalam proses tersebut kebarangkalian untuk gasing tidak dapat beraksi dengan cemerlang sangat tinggi dan perlu menghadapi risiko pembazir bahan dan masa untuk mengulangi proses yang sama.

Bukan itu sahaja, pengkaji juga melihat kepada masalah dalam kaedah pembuatan dan kerja-kerja seni dalam penghasilan Gasing Uri. Malah teknik dan cara permainan juga mungkin diubahsuai mengikut keselesaan para pemain dan kesesuaian tempat perlawanan. Kaedah untuk menghasilkan sebiji Gasing Uri ini telah mengalami perubahan, samaada dalam cara pembuatan dan bahan serta peralatan yang digunakan untuk membuat Gasing Uri pada zaman serba moden ini (Norashikin, 2016). Pada masa dahulu, pembuat gasing menghasilkannya dengan hanya memerlukan lebihan kayu pokok yang berbentuk asal, maka dilarik kayu tersebut sehingga ia menjadi gasing. Disebabkan gasing yang dihasilkan ini tidak kukuh lama dan mudah retak, pembuat gasing telah melakukan perubahan dalam proses pembuatan gasing. Ide baru yang telah dilakukan oleh tukang gasing telah merubah cara pembuatan gasing secara tradisional kepada lebih moden, iaitu menggunakan bahan-bahan seperti simenfero, pasir, kaca, serabuk, habuk kayu, seramik, logam, pewter, dan plastik. Peralatan yang digunakan juga lebih moden, seperti penggunaan mesin pelarik dan sebagainya (Samugam, 2015).

Gasing Uri kurang mendapat perhatian dalam kalangan golongan muda-mudi zaman kini, hal kerana mereka lebih menumpukan minat mereka terhadap permainan moden. Sebagaimana pengenalan mengenai Gasing Uri diatas, penulis menggariskan bahawa ianya merupakan satu kesenian yang amat terkenal di Kelantan pada zaman dahulu, namun begitu oleh kerana permainan tradisional kurang ditonjolkan dan dikedepankan oleh media cetak mahupun media massa ia telah diabaikan oleh masyarakat. Pada masa ini, permainan tradisional masih lagi tidak dapat menandingi kemasyhuran permainan modern seperti Beyblade sementalah pula permainan “E-sport” seperti “PUBG” dan “Mobile Legend”. Hal ini diakui sendiri oleh penggiat seni pembuatan gasing dimana, rakyat negeri Kelantan sendiri kurang menunjukkan minat terhadap kesenian budaya negeri mereka apatah lagi rakyat negeri lain (Ismail, 2020).

Seperti yang sedia maklum bahawa terdapat banyak jenis Gasing yang giat dipermainkan malah dipertontonkan dalam khalayak ramai terutamanya Gasing Uri. Permainan ini telah diperkenalkan sejak zaman pemerintahan Kesultanan Raja Jembal di Kelantan dahulu. Namun, peredaran zaman yang semakin moden dengan keupayaan teknologi yang canggih, menyebabkan masyarakat sekarang tidak peka terhadap permainan tradisional dan hanya memberi tumpuan kepada bentuk hiburan lain. Ianya lebih mudah, cepat dan tidak memenatkan badan. Dengan menjelaskan 3 permasalah kajian, pengkaji amat yakin akan objektif yang telah ditetapkan dalam menghasilkan sebuah kajian yang lebih teliti mengenai keunikan Gasing Uri di Kelantan. Oleh itu, penulis berasa teruja untuk mendalami kajian ini bagi menjawab persoalan yang timbul dan menjadikan salah satu khazanah warisan budaya yang terdapat di Kelantan segar dan kekal sehingga menjadi kebanggaan dan panduan generasi anak cucu kita kelak. Pengkaji juga amat bersetuju dengan petikan dari Harian Metro yang mengatakan bahawa terdapat pelbagai permainan tradisi rakyat kepulauan melayu semakin diketepikan kemunculannya. Hal ini, jika tidak lekas dikekalkan, ia bakal menghilang (Zaitie, 2019).

## OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Untuk mengkaji perkembangan asal usul permainan tradisional Gasing Uri di Kelantan bagi memelihara warisan tradisional negeri ini.
2. Untuk menerangkan kaedah dan proses pembuatan Gasing Uri di Kelantan bagi menambahbaik pengetahuan sedia ada.
3. Untuk mengkaji keunikan yang terdapat dalam kesenian Gasing Uri supaya dapat diterokai oleh masyarakat.

## PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan bagi kajian ini adalah seperti berikut:

1. Bagaimanakah perkembangan asal usul permainan tradisional Gasing Uri di Kelantan.
2. Bagaimanakah kaedah dan proses pembuatan Gasing Uri di Kelantan.
3. Apakah keunikan yang terdapat dalam kesenian Gasing Uri di Kelantan.

## KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Melalui penyelidikan ini, maklumat yang didokumentasi dapat membantu melindungi dan mengekalkan kesenian warisan tradisional negeri Kelantan yang telah menjadi darah daging penggiat seni seperti tokoh pemain dan pembuat Gasing Uri ini. Walaupun sudah sekian lama permainan Gasing Uri ini dipinggirkan oleh golongan muda dan masyarakat bandar tambahan pula pada musim penularan wabak Covid-19` ini (Saiful, 2020). Gasing Uri merupakan kesenian warisan negeri Kelantan yang cukup diminati oleh penduduk kampung pada zaman dahulu kerana merupakan suatu permainan yang dapat mengisi masa lapang disamping merapatkan silaturahim bersama rakan taulan. Menurut Norashikin (2016), teknologi terkini yang semakin moden dan canggih menyebabkan permainan tradisional seperti Gasing Uri kurang diendahkan disebabkan banyak permainan zaman kini seperti permainan video di atas talian

wujud dan diperkenalkan. Dalam masa yang sama, segala informasi yang diterima daripada tokoh amat berguna kepada penyelidik baru serta masyarakat. Pengetahuan yang lengkap mampu melahirkan minat untuk menyertai permainan yang amat dibanggakan oleh rakyat zaman dahulu dan ia dapat menanam sifat kesabaran dan ketangkasian dalam pembuatan dan permainannya.

Selain itu, melalui kajian ini pengkaji juga dapat memperkenalkan secara lebih meluas lagi tentang Gasing Uri ini kepada masyarakat negeri-negeri lain. Rata-rata rakyat Malaysia mengenali permainan gasing akan tetapi mereka kurang didedahkan dengan kaedah pembuatan dan permainan Gasing Uri ini. Menurut tokoh dalam kajian ini, beliau pernah menemui nama di mata dunia apabila dapat mendemonstrasikan permainan Gasing Uri (Top spinning) di kota London pada tahun 2013. Ini menunjukkan bahawasanya negara luar juga amat berminat dengan permainan warisan negara kita. Demikian, rakyat negeri ini khususnya hendaklah memartabatkannya dengan lebih bersemangat dan penuh berwibawa. Tambahan pula, kajian ini dapat membantu untuk memberi pengenalan awal tentang asal-usul Gasing Uri dengan lebih terperinci lagi terutama kepada generasi muda pada zaman kini (Ismail, 2020).

Akhir sekali, kajian ini juga dapat memberi kepentingan dan sumbangan dalam pembangunan ekonomi negara. Melalui kajian, penyelidik dapat mengetahui bahawa kesenian dan warisan negara dapat membantu menaikkan nama negara dan turut sama meningkatkan kestabilan ekonomi negara dari segi daya tarikan pelancongan. Hal ini menunjukkan kehebatan tinggalan warisan orang dulu yang mampu menarik minat para pelancong dan pelabur luar untuk datang melawat ke negara kita (Ismail, 2020). Apabila artikel ini diterbitkan, kemungkinan besar pengkaji dari luar negara juga akan membaca dan tertarik untuk mengkaji tentang Gasing Uri dengan lebih mendalam dan membawa kemahiran ini pulang ke negara mereka untuk dipraktikkan. Dengan ini, ia dapat menarik lagi minat mereka dengan warisan budaya negara kita dan dapat mengembangkan lagi sejarah permainan tradisional negara Malaysia seantero dunia dengan kemungkinan di ketengahkan di dalam sukan negara. Hal ini akan membuka mata masyarakat luar akan kehebatan dan permainan kebanggaan Malaysia dan negeri Kelantan khususnya.

## TINJAUAN LITERATUR

### Pengenalan

Dari segi Kamus Dewan Edisi Kedua, Gasing merupakan alat permainan yang bermacam-macam bentuknya serta berpaksi dan dapat dipusingkan dengan tali. Sejak dahulu lagi, apabila selesai musim menuai padi, permainan gasing dimainkan secara tradisi oleh orang-orang Melayu. Oleh itu, gasing diperbuat daripada kayu bebaru, kayu merbau atau kayu kemuning dan kayu halba (Ismail, 2020). Bentuk gasing jenis ini dihasilkan melalui kayu yang dilarik dan ditakik-takik. Kulit pokok bebaru pula digunakan untuk membuat tali gasing namun pada zaman sekarang tali nilon digunakan untuk membuat tali gasing supaya lebih kukuh.

Kebiasanya ukuran panjang bagi talinya ialah 1 meter iaitu bergantung kepada panjang tangan seorang pemusing gasing. Bonny (2020), kurator Muzium Petaling Jaya, beliau berpendapat bahawa gasing mempunyai karakter yang berbeza berdasarkan asal usul gasing tersebut. Contohnya bentuk serta corak permainan gasing daripada terengganu yang mulanya daripada permainan memutar buah berambang yang licin, bulat tapi agak rata. Apabila dipertandingkan, pemenang ditetapkan merujuk kepada jangka masa gasing boleh berpusing. Dua cara Gasing dimainkan, yang pertama ialah Gasing Uri, dimana ia dipertandingkan untuk menguji tempoh ketahanan gasing mampu berputar. Keduanya, Gasing Pangkah yang dimainkan dengan cara melontar supaya memangkah dan merempuh gasing lawan (Aniza, 2019). Sebutan gasing datangnya daripada kombinasi dua perkataan iaitu ‘gah berpusing’. Istilah “Gah” dalam permainan ini bermaksud berpusing dengan teguh dan ligat. Namun, ada pendapat lain mengatakan perkataan gasing sebenarnya berasal daripada suku kata ‘ka’ dan ‘sing’ iaitu singkatan kayu dan pusing (Zaitie, 2019).

Berkenaan dengan asal usul gasing, sumber lain dari Kedah pula melaporkan bahawa permainan melaga telur ayam adalah asal usul gasing di Malaysia. Dikatakan permainan telur ayam dipusing dan dilakukan ini menjadi kesukaan kanak-kanak zaman dahulu. Oleh itu, maka muncul buah fikiran untuk

membuat gasing berbentuk telur. Manakala, paksi ditambah supaya gasing berpusing dengan tegak dan pantas. Pusingan gasing yang dipusing dengan tangan kurang pantas malah tempoh pusingannya juga tidak bertahan lama. Oleh itu, tali digunakan supaya dapat memusingkan gasing dengan lebih ligat dan tempoh yang panjang (Aniza, 2019). Gasing Uri berbentuk rendah dan agak pipih, beratnya sekitar 3 hingga 5 kilogram, berukuran 24 inci dan berketinggian 8 cm (UMK, 2015). Kebiasaannya dikelilingi dengan timah, plumbum iaitu zat logam atau besi ringan. Jika untuk pemusingan, subjek asas gasing ini hanya dibingkai dengan timah sahaja. Akan tetapi, jika bahan asas gasing menggunakan rangka besi, maka permainan pangkah-memangkah digunakan dalam permainan ini (Ismail, 2020).

Di samping itu, sentuhan dari tokoh pembuat Gasing Uri di Kelantan iaitu Ismail bin Mohamed yang merupakan seorang ketua kumpulan Gasing Uri yang dinamakan sebagai kumpulan Gasing Kubang Cik Ayu juga menyumbang kepada idea baru dalam menyiapkan kajian ini. Pengkaji membahagikan persoalan kajian kepada beberapa bahagian rujukan yang digunakan semasa menjalankan kajian. Melalui pembacaan daripada penulisan kajian lepas mengenai Gasing Uri, pengkaji menerokai pelbagai kriteria yang telah dikemukakan dan ia menjadikan pengkaji amat tertarik dan yakin untuk meneruskan kajian mengenai perkembangan dan pembuatan permainan Gasing Uri di negeri Serambi Mekah ini.

### **Asal Usul**

Merujuk kembali kajian lepas yang telah dikaji daripada artikel dan keratan akhbar yang telah menceritakan perjalanan asal usul permainan Gasing Uri sebagai permainan tradisional terulung di Kelantan. Selain itu, ada juga kajian yang membahaskan mengenai sejarah awal gasing yang merupakan suatu permainan yang dimainkan di negara Asia dan Eropah. Pada zaman dinasti Song (960–1279) di Negara China, wanita disana bermain gasing yang diperbuat daripada gading yang dinamakan sebagai “ch’ench’ien”. Permainan gasing mula dikenali pada zaman kesultanan Melayu Melaka pada abad ke 15. Gasing juga terdapat dalam pelbagai jenis bentuk dan rupa. Stephenie (2013), berkata

sesetengah orang percaya bahawa penghasilan gasing diambil daripada pokok berembang, menurut mereka, buah berembang dapat berpusing sama seperti gasing. Menurut Zaitie dan Madasfar (2019), banyak kajian bersepakat bahawa asal usul gasing dicipta berdasarkan bentuk buah berembang. Kebiasaan buah ini digunakan oleh pesilat sebagai alat untuk latihan menguatkan tangan kerana ianya mudah ditemui di pesisir pantai.

### **Perkembangan Gasing Uri di Kelantan**

Pada awalnya, perkembangan Gasing Uri berlaku di Kelantan pada zaman Kesultanan Raja Jembal (Mohd Zahirwan & Norhayati, 2018). Negeri Kelantan terletak di pesisir Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Suatu masa dahulu, ia telah menjadi tumpuan pedagang berulang alik dari timur ke barat. Wujudnya kerajaan yang besar di situ yang mengawal aliran perdagangan dan politiknya oleh kerana kedudukan negeri yang strategik. Kerajaan Jembal ialah sebuah kerajaan yang masyhur pada abad ke 17 dan 18 di Kelantan. Ada pendapat lain mengatakan Kelantan dipanggil ‘Medang Kemulan’ yang telah wujud di abad yang pertama lagi. Adapun begitu, Kelantan dipanggil dengan nama ‘Kalatana’ atau ‘Tanah Kala’ dalam abad ke 5. Manakala, ia disebut sebagai negeri ‘Ho-lo-tan’ atau ‘Kou-lo-tan’ dalam Catatan Shen Yao tahun 414 masih sehingga tahun 512 masih (DBP, 2018).

Negeri Kelantan telah diperintah oleh Raja Kumar yang beragama Islam pada abad ke 15 iaitu tahun 1411. Baginda telah menjalankan hubungan dengan negeri Cina. Dimana, Sultan Iskandar memerintah sehingga tahun 1465 dan pada ketika itu, Sultan Mansur menggantikan ayahandanya yang mangkat. Seterusnya, Kelantan diserang oleh Melaka di bawah Sultan Mahmud Syah pada tahun 1477 dan baginda akhirnya berkahwin dengan puteri Sultan Mansur. Selepas itu, Raja Gombak menggantikan Sultan Mansur pada tahun 1526. Menurut Samugam (2015), kerajaan yang diasaskan oleh Raja Besar ialah asal-usul Kerajaan Jembal. Baginda dan pengikut-pengikutnya mencari tempat yang sesuai untuk dijadikan negeri dan dikatakan Raja Besar merupakan keturunan Raja Bersiong yang memerintah Kedah pada abad 14. Baginda menamakan tempat itu ‘JEMBAL’, oleh kerana baginda

mendirikan sebuah kota di tepi sungai Babong, di Pulau Melaka. Oleh kerana di situ terdapat satu pokok ‘jambu jembal’ yang besar.

### **Kaedah permainan dan pembuatan Gasing Uri**

Corak permainan gasing adalah berbeza-beza antara negeri-negeri di Malaysia. Oleh itu, muncul pelbagai cerita mengenai asal usul permainan gasing jenis ini (Samugam, 2015). Sejak sebelum perang dunia lagi permainan gasing tradisional dimainkan oleh itu kaedah permainannya tidak asing lagi bagi penduduk kampung. Saiful (2020), gasing kini mula diterokai semula oleh pencinta seni warisan yang berusaha berkongsi cerita dan pengalaman bersama masyarakat. Menurut tokoh, pemain iaitu pemusing dan penyambut memerlukan kemahiran terlebih dahulu sebelum mampu mempersempahkan gaya yang hebat. Kehandalan pemain perlulah diasah dan dicungkil bakat mereka sedari remaja agar mereka dapat mempelbagaikan kemahiran mereka apabila beraksi (Ismail, 2020).

Gasing tradisional diperbuat daripada kayu, ianya dimain bersama tali yang dipintal sendiri oleh pemain menggunakan sabut (Aini, 2019). Kebiasaannya, bahan penghasilan gasing adalah daripada bahagian terkuat kayu yang terletak di tengah atau akar dan jenis kayu merbau, leban tanduk, jeruk, bakau, kempas, sepan, keranji, manggis, jambu batu, ciku dan kayu asam jawa adalah jenis yang sering digunakan. Namun menurut tokoh gasing dihasilkan daripada kayu bebaru, kemuning, dan merbau adalah kayu yang paling popular dan berkualiti. Kayu tersebut akan dijemur hingga kering sebelum di larik-larik dan dikikis untuk membentuk bulat (Samugam, 2015). Kemudian, pemain akan mescalit minyak kelapa bagi melicinkan pergerakan gasing supaya berputar lebih ligat dan sempurna. Menurut kajian lain, Gasing Uri dibuat daripada timah dan kayu untuk bermain permainan ini memerlukan kemahiran terdahulu, kerana permainan mempunyai langkah tersendiri untuk bermain.

Berbalik kepada perkembangan Gasing ialah antara salah satu jenis permainan tradisi nusantara yang diadakan dengan cara bertanding serta kaedah persempahan. Menurut tokoh kajian, Gasing merupakan sejenis permainan yang

dimainkan oleh kaum lelaki mengikut cara permainan dan jenis gasing tersendiri. Unsur seni tidak mungkin dapat dipisahkan daripada masyarakat oleh kerana ia merupakan keperluan asas kehidupan manusia di dunia. Sementalah lagi masyarakat Melayu tradisional juga tidak ketinggalan dalam soal ini. Oleh kerana struktur geografi negara yang menjadikan masyarakat dahulu amat berdikari dalam kehidupan seharian. Di samping menjalankan aktiviti sara diri, masyarakat juga perlu mengisi masa lapang dengan kegiatan yang dapat menghiburkan hati serta memupuk sikap kerjasama dalam kelompok mereka.

### **Keunikan Gasing Uri**

Keunikan Gasing Uri adalah apabila ia merupakan salah satu kegiatan yang diadakan untuk menggembirakan suasana harian mereka di masa lapang dan menjadikan kelesuan mereka berkurang kerana ralit melihat kehebatan gasing berputar. Oleh itu, mereka bermain permainan warisan ini tanpa jemu walaupun ada kalanya mereka tidak memenangi pertandingan tersebut. Pertandingan Gasing Uri bukan sahaja dapat menghiburkan hati malah dapat cuba berlumba kemahiran, kecekapan, kekuatan, kepantasan dan ia juga mewujudkan kerjasama berpasukan bagi setiap kumpulan. Dalam permainan gasing tradisional ini, gerakan badan ketika melempar gasing akan memberikan formasi asimilasi tubuh pemain secara menyeluruh (Ismail, 2020). Kini, permainan Gasing Uri bukan sahaja dipertandingkan dalam kalangan muda mudi malah ia turut disertai oleh golongan berumur (Zaitie, 2019).

Kemahiran yang datang daripada pengalaman akan menunjukkan identiti peribadi pemain gasing yang hampir serupa antara kumpulan lawan. Namun begitu, ia akan menonjolkan hubungan yang rapat antara tukang-tukang pembuat gasing tersebut. Permainan gasing bagi orang melayu merupakan kayu pengukur tahap kemahiran dan kepantasan seorang pemain dalam menghadapi sesuatu situasi. Kepekaan dan ketepatan seseorang amat penting untuk diasah supaya sentiasa dapat mengharungi sebarang suasana di dalam kehidupan. Selain daripada kemahiran, kebolehan juga perlu diamalkan secara sistematik dalam gelanggang gasing. Tukang cokok iaitu penyambut gasing perlu cerdas membaca hayunan pemusing jika mahu memperoleh kemenangan bagi kumpulan mereka.

Langkah yang tersusun rapi serta menyerupai gerakan silat akan menambahkan lagi kekuatan pemain. Dengan bersendikan semangat, mereka juga akan dapat mutu permainan (Ismail, 2020). Gasing yang dihasilkan menggunakan pokok-pokok kayu tempatan yang diperolehi di kawasan berpaya itu melambangkan betapa pekanya orang Melayu kepada persekitaran.

Selain itu, keunikan permainan ini terserlah apabila ia dicipta oleh tukang gasing sendiri mengikut kemahiran, kesabaran dan berbekalkan daya kreativiti mereka. Berkat kesungguhan dan mempunyai konsep tersendiri, mereka telah mencipta gasing sebagai alat hiburan hanya dengan saki baki kayu yang mereka tebang atau lebihan mendirikan rumah. Alat permainan ini sukar diperoleh di pasaran lalu kemahiran ini perlu diperkemaskan dari semasa ke semasa. Berdasarkan penglihatan, pengalaman, dan persahabatan yang membolehkan mereka bertukar-tukar fikiran bagi memperelokkan lagi hasil ciptaan gasing ini. Selain itu, mereka juga berbincang tentang gaya penghasilan, persembahan atau perlawan, jenis kayu yang tercantik dan kaedah pemprosesan kayu. Tambahan pula, permainan gasing perlu dimainkan dan diminati oleh golongan muda sekarang antara langkah menyuntik kebolehan inovatif bangsa melayu mencipta permainan berdasarkan lebihan potongan kayu. Diharapkan pemeliharaan warisan ini dapat ditonjolkan kepada umum agar tinggalan bangsa Melayu ini terus mengharumkan nama negara di persada dunia.

## METODOLOGI

Kajian ini telah dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif melalui temubual. Metodologi ini dipilih sebagai medium merekod maklumat daripada tokoh. Temubual ini dibuat bagi mendapatkan ilmu tentang pembuatan gasing daripada beliau yang telah lama berkecimpung dalam bidang ini. Selain itu, Kaedah kajian lain yang dipilih ialah kaedah pemerhatian terhadap gerak kerja tokoh. Melalui metodologi ini, pengkaji dapat membandingkan maklumat yang didapati di lapangan. Keadeh ini dilaksanakan untuk menghimpun data, memperoleh maklumat dan memperoleh pemahaman daripada perkembangan, proses pembuatan dan keunikan Gasing Uri.

Seterusnya, kaedah demonstrasi juga dipilih dalam kajian ini untuk menggambarkan teori yang diperolehi adalah sahih. Pendekatan visual ini dijalankan bagi melihat proses dan idea bagi setiap penghasilan gasing. Demonstrasi ini dibuat bagi mengenalpasti kewujudan keunikan dan kesenian dalam permainan ini. Dalam kajian ini, pengkaji juga telah membuat rujukan menerusi pencarian internet berbentuk keratan akhbar dan artikel berkaitan. Hal ini dilakukan bagi mendapatkan fakta yang sahih dan tepat.

Proses temubual dijalankan bermula dengan perbualan telefon bagi mendapatkan alamat tokoh iaitu Ismail bin Mohamed yang berusia 66 tahun. Pengkaji meminta keizinan tokoh untuk melakukan kajian tentang Gasing Uri menerusi kaedah soal jawab. Beliau bersetuju untuk mengadakan sesi temubual secara bersemuka pada 28 November 2020. Beliau membenarkan rakaman audio dan video diambil sebagai rujukan transkripsi. Sebanyak lebih 110 soalan dikemukakan kepada tokoh mengenai peribadi, proses pembuatan dan permainan Gasing Uri serta penglibatan secara khusus beliau dalam bidang ini.

## HASIL KAJIAN

### **Perkembangan asal usul permainan tradisional Gasing Uri di Kelantan.**

Menurut hasil kajian yang penyelidik perolehi dalam temubual bersama tokoh, penyelidik dapat mengetahui perkembangan asal usul permainan gasing Uri di Kelantan. Menyingkap sejarah permainan tradisional ini, tokoh mendakwa ia dipercayai permainan rakyat di zaman pemerintahan Raja Jembal yang telah bertahta pada abad ke-17 dan ke-18 di Kelantan. Gasing Uri pada asalnya hanya dimainkan oleh rakyat dibawah pemerintahan Raja Jembal sebagai permainan pada waktu lapang. Oleh kerana keunikan gasing yang boleh berputar ligat dalam tempoh yang lama, ia telah menarik minat besar untuk menjadikannya sebagai salah satu aktiviti pertunjukan tradisi di majlis-majlis di istana. Oleh itu, harga sebiji gasing agak mahal pada ketika itu, masyarakat mula mendalami cara pembuatan gasing dengan orang lama yang lebih arif. Permainan ini lama kelamaan menjadi sejenis pertunjukkan dalam majlis rasmi dan acara sukan rakyat.

Namun, setelah jajahan takhluk Raja Jembal semakin berkembang ke seluruh pelusuk negeri Kelantan baginda memperkenalkan Gasing Uri kepada rakyat jelata sebagai permainan yang boleh dipertandingkan. Permainan ini giat dipertandingkan antara daerah dan kampung pada setiap bulan. Hai ini bagi membuktikan kumpulan dari kampung dan daerah mana lebih handal. Oleh itu, lahirlah ramai penggiat seni permainan tradisional Gasing Uri itu berasal dari jajahan takluk kesultanan Raja Jembal bermula daripada Kampung Kedai Lalat atau lebih dikenali dengan Kota Jembal sehingga meluas ke Kampung Kemumin, Sabak, Binjai, Bukit Marak Melor, Pasir Puteh dan ke Jertih (kini menjadi jajahan negeri Terengganu). Lantaran itu, kegiatan berpasukan permainan gasing ini ialah menyertai pertandingan, membuat persembahan pada majlis kebudayaan di bawah jabatan kebudayaan negeri Kelantan. Aktiviti ini dilakukan demi memastikan seni warisan tradisional Melayu negeri Cik Siti Wan Kembang itu terus dilestarikan dan tidak hilang dimamah zaman.

### **Kaedah dan proses pembuatan gasing Uri di Kelantan**

Seterusnya, dalam hasil kajian ini, tokoh telah menerangkan kaedah dan proses pembuatan gasing Uri kepada penyelidik. Oleh itu, penyelidik berpeluang meneliti harga, cara pemasaran, bahan dan jenis peralatan Gasing Uri. Tidak lupa juga untuk merisik keunikan dan cara permainan Gasing Uri. Penyelidik juga diberi pendedahan mengenai persembahan, pertandingan, kriteria pemain serta masalah dan cabaran dalam mengekalkan warisan tradisional ini pada masa hadapan.



Gambar 1: Proses pembuatan gasing uri

### Skop pembuatan Gasing Uri.

Dalam menghasilkan barang hasil pertukangan kayu, ia memerlukan beberapa langkah. Ia mempunyai tiga bahagian utama iaitu badan, kepala dan buntut gasing. Di bahagian bawah kepala gasing terdapat sedikit lekukan dan bahagian itu dinamakan leher gasing, kegunaanya adalah untuk melilit tali gasing (Zaitie, 2019). Paksi diletakkan di bahagian buntut gasing untuk mengawal keteraturan pusingannya di atas lenggek. Menurut tokoh, Gasing Uri juga memerlukan beberapa proses untuk dihasilkan dengan sempurna. Langkah pertama ialah memotong kayu daripada pokok terpilih dan kayu akan dipotong mengikut kesesuaian gasing yang ingin dihasilkan. Kayu yang telah dipotong akan dijemur selama 2 bulan. Seterusnya, kayu tersebut dilarik menggunakan bendu, berserta saiz dan berbentuk piring gasing. Sebelum kerja menakik kayu dimulakan besi paksi diperam ke dalam kayu tersebut agar keseimbangan dari segi bulatnya dapat dilakukan ketika mengikis (Walkabot Asia, 2019).

Selepas itu, tukang pembuat gasing akan memanaskan timah sehingga mendidih dan ia mengambil masa selama 1 jam jika menggunakan dapur gas atau 2 hingga 3 jam jika menggunakan kayu api. Timah untuk menghasilkan gasing jenis ini diperolehi daripada bateri kereta atau rantai jala. Kerja-kerja terakhir dilakukan apabila gasing disiapkan, iaitu melilitkan timah pada acuan gasing tadi agar menambah berat lagi gasing itu hingga seberat lima kilogram dan juga tak mudah sumbing (Amirudin, 2018). Untuk menambah indah rupa parasnya maka tanduk kerbau dipasangkan dibahagian kepala gasing serta dikilatkan dengan varnis. Proses pembuatan ini hanya terdapat pada Gasing Leper atau Gasing Uri sahaja. Proses mlarik kayu sehingga nipis untuk membentuk piring gasing kebiasaannya proses ini mengambil masa 2 hingga 3 jam jika membuat secara berterusan.

Seterusnya, timah akan disejukkan dan dimasukkan kedalam acuan sehingga paras saiz gasing tersebut. Timah yang ditelah sebat bersama kayu akan dilarik semula untuk dilicinkan. Gasing Uri yang sudah siap sepenuhnya mempunyai berat maksimum 3.7 kilogram hingga 4 kilogram dan mempunyai lilitan tidak melebihi 24 inci setengah (Ismail, 2020). Berat dan saiz pada Gasing Uri tersebut perlukah seimbang bagi menghasilkan pusing yang lama iaitu pada tempoh 2 jam 45 minit tanpa henti. Ia bermakna keseluruhan proses pembuatan mengambil masa lebih kurang separuh hari bagi sebijji Gasing Uri.



Gambar 2: Antara langkah pembuatan gasing uri

**Skop harga, bahan, jenis peralatan dan cara pemasaran Gasing Uri**

Menurut pengasas kumpulan gasing Kubang Cik Ayu ini, modal pembuatan bagi sebiji Gasing ialah lebih kurang RM 200 an ia akan dijual mengikut saiz *standard* yang memenuhi citarasa pelanggan pada harga RM300 (Ismail, 2020). Gasing Uri dibuat dengan menggunakan kayu yang lembut tetapi berkualiti. Kayu dari pokok yang popular diambil untuk menghasilkan gasing adalah dari jenis kayu merbau dan nama saintifiknya iaitu *sympetalandra borneensis*, atau bebaru. Kepala gasing pula diperbuat daripada tanduk kerbau dan leher gasing diperbuat daripada aluminium. Penutup kepalanya pula diperbuat dari perak dan jambul dibuat daripada besi aluminium. Bahagian bawahnya terdapat 3 skru untuk menguatkan kepala. Pada tengah-tengah Gasing Uri ialah paksi yang dibuat dari besi keluli. Manakala, cokok diperbuat dari kayu kosong daripada kayu Sentul atau kayu rambai. Lopok digunakan untuk menukar kedudukan gasing daripada cokok untuk berpuing lebih lama (Lliy, 2015). Cagak pula dijadikan tempat *parking* gasing pada tanah untuk dipamerkan. Beliau menerima tempahan daripada penggemar permainan tradisional dan pelancong yang melawat tempat pembuatan gasing ini. Cara pemasaran yang telah dilakukan oleh Abang Nor adalah memuat naik aktiviti dan pertandingan kumpulan

beliau di *Facebook* dan *Youtube Channel* milik kumpulan mereka. Beliau juga telah menerima jemputan untuk memberi taklimat di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan politeknik mengenai kesedaran mengekalkan warisan. Di samping itu, beliau juga banyak kunjungan dari stesen televisyen seperti TV3 dan RTM untuk membuat dokumentari dan penggambaran mengenai permainan tradisional ini. Jadi, melalui aktiviti ini beliau juga mempromosikan hasil pembuatan gasing kepada pengunjung yang berminat (Walkabout Asia, 2019).



Gambar 3: Rupa Bentuk Gasing Uri

#### **Keunikan dalam kesenian Gasing Uri di Kelantan.**

Merujuk kepada maklumat yang telah dikumpulkan dalam kajian ini, pengkaji mengklasifikasikan keunikan dalam kesenian permainan Gasing Uri ini kepada dua aspek pembuatan dan permainan gasing Uri itu sendiri.



Gambar 4: Keunikan pembuatan dan permainan gasing uri

### **Aspek Pembuatan**

Menurut tokoh kajian Ismail, keunikan Gasing Uri mempunyai banyak seni daripada cara pembuatan gasing. Melalui aspek ini tokoh telah mendemonstrasikan cara pembuatan yang dilihat amat unik terutamanya dari segi bentuk yang sangat menarik. Badan Gasing Uri merupakan kombinasi timah dan kayu yang berukiran asli. Manakala kepala gasing pula diperbuat daripada tanduk kerbau, logam, aluminium, suasa dan tembaga. Ini menjadikan gasing jenis ini berlainan daripada gasing jenis lain. Selain itu, gasing uri menggunakan kayu yang dililit dengan tali dan diikat pada kain yang disangkut pada atap zink. Hanya menggunakan kekuatan kaki untuk menolak kayu tersebut supaya putarannya rata semasa melarik piring gasing. Piring gasing akan berada ditengah antara kayu yang berbentuk meja yang dipanggil sebagai bendum iaitu alat tradisional yang digunakan untuk buat gasing.

### **Aspek Permainan**

Keunikan permainan Gasing Uri terserah dari gaya pemusing dan kemahiran penyambutnya juga. Gelagat Si pemusing gasing yang mempunyai pelbagai kaedah dan kemahiran ketika melempar gasing. Pemusing gasing jenis ini mestilah mempunyai seni mempertahankan diri. Bukan itu sahaja, cara penyambut memasang kekuda juga amat berlainan dengan gasing jenis lain. Lemparan gasing terbang ini perlu seiring arah kedudukan penyambut agar dapat ditangkap dengan baik. Tambahan pula, tempoh Gasing Uri ini mampu berputar iaitu lebih daripada 2 jam amatlah memukau penonton dan pengadil pada hari perlawanan.

Menurut Lily (2015), pada kebiasaannya cara Gasing Uri dimainkan dengan menganjurkan pertandingan antara dua kampung di daerah yang sama atau berlainan yang melibatkan dua kumpulan. Hal ini menambah keunikan Gasing Uri dimana permainannya dijalankan secara berkumpulan. Bagi setiap kumpulan, tujuh set Gasing Uri dipertandingkan dalam satu permainan. Gasing yang telah dibelit pada tali akan dilempar ke atas bong iaitu tempat gasing mendarat. Bong berbentuk segi

empat dengan saiz lebih kurang 2 kaki persegi. Seorang penyambut atau dikenali sebagai tukang cokok akan menceduk gasing dengan pantas menggunakan penceduk daripada kayu. Gasing akan terus diletakkan di atas lopak iaitu tempat gasing berpuasing dan diberikan sedikit minyak pelincir untuk melancarkan putaran gasing supaya bertahan lebih lama (Aniza, 2019).

Setiap kumpulan akan bertukar-tukar mencampak Gasing Uri sehingga kesemua 7 set milik kumpulan masing-masing habis adalah format permainan ini. Pasukan yang memiliki gasing paling bertahan dan berputar akan memenangi pertandingan tersebut. Kumpulan yang tewas selama tujuh putaran berderet-deret, perlu membayar ufti berupa 7 set Gasing Uri lengkap kepada kumpulan yang memenangi perlawanan tersebut. Stephanie (2013), permainan yang paling mustahak ialah pertandingan fasa akhir kerana kumpulan yang memenangi perlawanan itu akan dinobatkan sebagai juara. Pasukan mereka akan menjadi tuan rumah sehingga pasukannya kalah maka selepas itu tuan rumah akan bertukar pada pertandingan kehadapanya (Walkabout Asia, 2019).



Gambar 5: Suasana permainan Gasing Uri

## KESIMPULAN

Secara menyeluruh, kajian ini bermatlamat untuk memberikan gambaran awal mengenai tajuk kajian yang telah dipilih oleh penyelidik mengenai perkembangan dan pembuatan permainan Gasing Uri di Kelantan. Oleh itu, kajian ke atas Ketua Kumpulan Gasing Kubang Cik Ayu di Kelantan telah dilaksanakan. Permasalahan yang diperoleh melalui pembacaan awal telah membantu penyelidik untuk

menetapkan tajuk kajian ini. Tradisi permainan dan persembahan permainan Gasing Uri yang popular di Kelantan telah dipelopori oleh kumpulan Gasing Kubang Cik Ayu kerana telah memenangi banyak perlawanan gasing yang telah diadakan. Mereka telah banyak memberi kesan dalam menyemarakkan warisan permainan tradisional ini. Permainan ini juga telah memupuk semangat cintakan warisan negeri dan menyatukan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti berfaedah di masa lapang bersama. Permainan Gasing Uri yang telah dipertandingkan oleh ahli kumpulan Gasing Uri Kubang Cik Ayu ini telah mengakrabkan ukhuwah dalam kalangan penduduk berbagai lapisan generasi. Oleh yang demikian, Gasing Uri berfungsi dalam berbagai spektrum kehidupan manusia termasuk permainan yang berunsurkan kesenian dalam penghasilannya dan kecekapan pemain dalam melempar gasing. Justeru, permasalahan tersebut telah mendorong penyelidik untuk menetapkan objektif dan persoalan kajian yang sesuai melalui pemilihan lokasi kajian dan merangka persoalan yang berkewujudan dengan objektif kajian ini. Seterusnya, penyelidik turut menerangkan kepentingan kajian yang dijalankan ini mampu dijadikan sebagai sumber rujukan kepada generasi yang akan datang di masa hadapan. Hal ini juga dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada golongan muda mudi bahawa betapa pentingnya mengekalkan tradisi dan warisan negeri agar tidak lapuk dek zaman. Oleh itu, pengkaji ingin menitikberatkan asal usul dan permainan Gasing cara pembuatannya agar tidak dilupakan oleh masyarakat generasi muda di Kelantan khususnya dan rakyat Malaysia seluruhnya.

## RUJUKAN

- Abdul Samad, A. (2012). Permainan Gasing Uri di Kelantan. Retrieved December 13, 2020, from <https://fafa94bp.wixsite.com/permainangasing/gasing-uri>
- Aniza, Z (2019, February 12). 21 tahun tak jemu main gasing. Retrieved December 13, 2020, from [https://www.hmetro.com.my/renanca/2019/02/422270/21tahuntakjemumai\\_ngasing](https://www.hmetro.com.my/renanca/2019/02/422270/21tahuntakjemumai_ngasing)
- Amirudin, Z. (2018). Pengenalan Permainan Tradisional Gasing Menggunakan Medium
- Pantulan Hologram. Retrieved December 11, 2020, from [https://www.academia.edu/40667854/PENGENALAN\\_PERMAINAN\\_TRA\\_DISIONAL\\_GASING\\_MENGGUNAKAN\\_MEDIUM\\_PANTULAN\\_HOLOGRAM](https://www.academia.edu/40667854/PENGENALAN_PERMAINAN_TRA_DISIONAL_GASING_MENGGUNAKAN_MEDIUM_PANTULAN_HOLOGRAM)

- Ismail, M. (2020, November 25). Sejarah Lisan: Temubual bersama pengasas Kumpulan Gasing Kubang Cik Ayu. (Atiqah, Suhaimi. Interviewer).
- Norashikin, L. (2016, September 21). Permainan gasing perlu disemarakkan. Retrieved January 11, 2021, from <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/194931/permainan-gasing-perlu-disemarakkan>
- Saiful, S. (2020. December 1). Sejarah Lisan: Temubual bersama Pemain terhandal Gasing Uri kumpulan Gasing Kubang Cik Ayu. (Atiqah, Suhaimi. Interviewer).
- Satibi, Z. (2019, May 08). Gasing Nusantara. Retrieved December 11, 2020, from <https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/05/453327/gasing-nusantara>
- Lily, R. (2015). Globetrotter: Gasing Uri; the Spinning Gasing of Terengganu: Terengganu, Globe trotter. Retrieved <https://www.pinterest.com/pin/158822324335993569/>
- Stephanie, H. (2013, October 10). Gasing. Retrieved December 19, 2020, from [https://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP\\_401\\_2004-12-09.html](https://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_401_2004-12-09.html)
- Samugam. (n.d.) (2015, April 16). Sejarah Dan Asal Usul Gasing. Scribd Inc. Retrieved December 11, 2020, from <https://www.scribd.com/doc/262006592/Sejarah-Dan-Asal-Usul-Gasing>
- Walkabout Asia. (2019, October 04). Keeping The Game Alive. Universiti Malaysia Kelantan. Retrieved January 1, 2021, from [https://m.facebook.com/watch/?v=2727446030819773&\\_rdr](https://m.facebook.com/watch/?v=2727446030819773&_rdr)
- ZAINAL ABIDIN, Mohd Zahirwan Halim; HAMZAH, Norhayati Haji. (December, 2018) PERKEMBANGAN ISLAM DI KELANTAN:ANALISIS TERHADAP MANUSKRIP
- SEJARAH NEGERI KELANTAN (The Development of Islam in Kelantan: Analysis on the Manuscript of Sejarah Negeri Kelantan). Journal of Al-Tamaddun, [S.I.], v. 13, n. 2, p.133-147, ISSN 2289-2672. Retrieved January 2020, from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/14125>